



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**PERASMIAN MAJLIS HARI ANUGERAH
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM) 2023
& MAJLIS JASAMU DIKENANG
13 JUN 2024**

**DEWAN ALWY
BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN JPSM,
FRIM, KEPONG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Dr Ching Thoo A/L Kim

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Yang Berusaha Dr Ismail Bin Haji Parlan

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Ahli-ahli Anggota Institut FRIM

Wakil-wakil Kementerian

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah FRIM

Para penerima anugerah dan pesara FRIM yang diraikan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak FRIM atas jemputan untuk menyempurnakan Majlis Hari Anugerah FRIM 2023 dan Majlis Jasamu Dikenang. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

2. Saya dimaklumkan Majlis Hari Anugerah ini bertujuan meraikan seramai 318 warga FRIM yang telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2023. Pengiktirafan dan anugerah kepada penjawat awam menunjukkan komitmen Kerajaan dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, dedikasi dan jasa yang telah disumbangkan dalam menggalas amanah yang telah diberi. Ruang pengiktirafan seperti ini akan menyuntik semangat dan memberi motivasi untuk meningkatkan daya inovasi, produktiviti serta kecemerlangan kepada organisasi kerana setiap usaha atau pencapaian dihargai dan diiktiraf dengan sebaik mungkin.

Para hadirin yang dihormati,

3. FRIM ditubuhkan pada 1929 dan merupakan institusi terkemuka dalam penyelidikan perhutanan tropika di dunia. Kampus utama FRIM ditempatkan di Kepong, Selangor dan mempunyai 10 Stesyen Penyelidikan FRIM (SPF) di seluruh Semenanjung yang berperanan sebagai pusat inovasi perhutanan tropika serta peneraju peringkat dunia bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan penghasilan *output* penyelidikan yang berimpak tinggi. FRIM juga telah mewujudkan pelbagai produk penyelidikan termasuk herbarium, arboretum, makmal serta menjadi daya tarikan ekopelancongan terutamanya para penyelidik antarabangsa.

4. Ini termasuk penemuan signifikan kepada sektor perhutanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta hasil projek yang memberi impak kepada pembangunan industri, masyarakat dan sains perhutanan. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada warga FRIM atas pelbagai pengiktirafan yang diterima sepanjang tahun 2023, antaranya:

- (a) FRIM telah dilantik oleh Kerajaan sebagai Badan Pengesah kepada entiti yang menyumbang atau menaja aktiviti berkaitan projek penanaman pokok atau projek kesedaran pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, iaitu bagi tahun 2024 hingga 2026. Seperti yang dimaklumkan oleh Ketua Pengarah sebentar tadi, pelantikan FRIM sebagai Badan Pengesah potongan cukai 100% ke atas sumbangan wang tunai atau pembiayaan bagi projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang dijalankan oleh FRIM akan diluncurkan secara rasmi dalam majlis pada hari ini.

- (b) FRIM juga telah menerima Anugerah Buku Negara 2023 Kategori Perdana bagi Institusi Penyelidikan Terbaik pada 27 Mei 2023 atas sumbangan FRIM dalam memperbanyakkan penerbitan ilmiah tentang penjagaan dan perlindungan hutan tropika, biodiversiti hutan, penggunaan kayu-kayan dan lain-lain khazanah, penanaman semula pokok-pokok hutan serta perlindungan alam sekitar.

- (c) Penerbitan FRIM bertajuk 'Bunga-bunga yang boleh dimakan' turut menerima Anugerah Buku Negara 2023 bagi kategori Industri: Buku Umum Terbaik (Flora & Fauna) pada 22 Disember 2023.

- (d) Selain itu, penyelidik-penyelidik FRIM yang menyertai pameran-pameran inovasi seperti *International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX) dan *Malaysia Technology Expo* (MTE), serta seminar dan persidangan turut mengharumkan nama FRIM dengan pingat dan anugerah poster terbaik yang dimenangi;
- (i) Dalam ITEX 2023, FRIM telah memenangi 1 pingat emas dan tiga pingat perak;
 - (ii) Dalam MTE 2023, FRIM dipilih sebagai penerima 2 'Gold Award Winner' dan 2 'Silver Award Winner' bagi kategori International Innovation Awards (IIA) serta satu 'Special Award' daripada International Federation of Inventors' Associations - IFIA for Best Invention Medal'
 - (iii) Dalam 'Seminar and Exhibition on Herbs for Health and Healing', FRIM menerima 4 pingat emas, 4 pingat perak dan 1 pingat gangsa.
 - (iv) FRIM juga menerima 1 pingat perak, 1 pingat gangsa dan satu Anugerah Khas (Special Prize) daripada Vietnam Fund for Supporting Technological Creations (VIFOTEC) dalam Seoul International Invention Fair (SIIF 2023); dan
 - (v) Penyelidik-penyelidik FRIM juga telah menerima anugerah-anugerah pengiktirafan individu iaitu Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM) 2023 dan pengiktirafan Malaysia Book of Record sebagai 'First Malaysian soil scientist to be selected as panel for Food and Agriculture Organization (FAO) Intergovernmental Technical Panel of Soils (ITPS)'

5. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada FRIM kerana telah mengemukakan dokumen pencalonan FRIM Forest Park Selangor kepada pihak Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada 29 Januari 2024 oleh Jabatan Warisan Negara untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia bagi sesi penilaian 2024/2025.

6. Pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat antarabangsa yang akan memperlihatkan komitmen Kerajaan dalam melindungi tapak warisan di Malaysia. Ini secara tidak langsung dapat mempromosi produk ekopelancongan dan mewujudkan rangkaian ekonomi kepada industri berkaitan. Adalah harapan saya agar FRIM Forest Park Selangor diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.

Para hadirin yang dihormati,

7. Keutuhan pentadbiran, integriti dan ketelusan dalam perkhidmatan awam harus dimantapkan. Oleh itu saya menyeru seluruh warga FRIM untuk terus memberikan komitmen dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat serta sokongan pada dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan.

8. Saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sambutan Hari Pekerja 2024 Peringkat Kebangsaan iaitu “Kalau rekod kerjanya itu tidak membanggakan, malas, sering lambat datang bekerja dan tidak memberikan tumpuan yang baik, mereka itu akan dipantau supaya tidak diberikan ganjaran sepertimana kita janjikan”.

Pernyataan ini jelas menunjukkan penekanan terhadap prestasi dan tahap kompetensi serta integriti yang tinggi penjawat awam.

Para hadirin yang dihormati,

9. Sebagai penjawat awam adalah penting untuk kita sentiasa menimba ilmu baharu bagi tujuan peningkatan kompetensi dalam bidang tugas atau menimba kemahiran baharu kerana ini menjadikan kita pegawai yang sentiasa berpengetahuan dan berkemahiran serta menjadi rujukan.

10. Selain berperanan memperkasakan R&D, pemindahan teknologi dan penyelesaian permasalahan industri secara saintifik bagi memenuhi keperluan perhutanan tropika masa kini dan akan datang, saya melihat FRIM juga menunjukkan keseimbangan dalam pencapaian seperti memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui program-program tanggungjawab sosial dan korporat yang melibatkan pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat.

11. FRIM juga terlibat secara langsung dalam menyokong dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Perhutanan Malaysia, Pelan Strategik Perhutanan Sosial Malaysia, Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* 2022, Inisiatif *Heart of Borneo* dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022 – 2030. FRIM membantu melaksanakan kajian *baseline* berkenaan *alien invasive species* (IAS), pemburuan haram, perdagangan haram, *access and benefit sharing* (ABS), program kesedaran awam dan lain-lain yang berkaitan.

12. Namun, diharapkan kecemerlangan tersebut tidak bernoktah di sini sahaja. Benar, kita telah mencipta banyak kejayaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita boleh selesa berpeluk tubuh mengharap setiap kejayaan yang dicipta pada masa lalu akan berulang dengan sendirinya pada masa hadapan. Hakikatnya, kita sedang menghadapi pelbagai cabaran baharu yang menuntut supaya kita sentiasa meneroka ilmu terkini, melakukan inovasi dan melangkaui kecemerlangan. Semoga FRIM terus mengekalkan kecemerlangan sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa.

13. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah atas kecemerlangan yang dipamerkan sepanjang tahun 2023 dan terima kasih buat pesara dan bakal pesara FRIM atas segala khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di FRIM. Penghargaan juga kepada Jawatankuasa Pengelola yang telah melaksanakan majlis pada hari ini dengan jayanya.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Anugerah FRIM 2023 dan Majlis Jasamu Dikenang.**

Sekian.

Wabillahittaufig Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.